



## BANK OF SINGAPORE LIMITED

(Diperbadankan di Singapura. Nombor Pendaftaran: 197700866R)

### LAPORAN TAHUNAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

#### PENTING

Maklumat kewangan ini hanya mengandungi petikan daripada penyata kewangan Bank of Singapore Limited (Bank) yang telah diaudit bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2023 (penyata kewangan). Ia tidak mengandungi maklumat yang mencukupi untuk memberi pemahaman lengkap tentang keputusan dan kedudukan kewangan Bank. Set penyata kewangan teraudit yang lengkap boleh didapatkan atas permintaan di pejabat berdaftar Bank di 63 Chulia Street, #10-00 OCBC Centre East, Singapura 049514.

# **Penyata Pengarah**

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023

## **Pengarah**

Pengarah Bank yang masih bertugas pada tarikh penyata ini adalah seperti berikut:

Andrew Lee Kok Keng, Pengerusi (dilantik pada 1 Januari 2024)

Lai Teck Poh

Jason Moo Yi Sin (dilantik pada 17 Julai 2023)

Na Wu Beng

Helen Wong Pik Kuen

# Laporan Juruaudit Bebas

Kepada Anggota Bank of Singapore Limited

## Laporan ke atas Penyata Kewangan Yang Telah Diaudit

### Pendapat Kami

Pada pendapat kami, penyata kewangan Bank of Singapore Limited ('Bank') yang disertakan telah disusun dengan rapi menurut peruntukan Akta Syarikat 1967 ('Akta') dan Piawaian Pelaporan Kewangan di Singapura ('FRSs') untuk memberi gambaran yang benar dan saksama ke atas kedudukan kewangan Bank pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangan, perubahan pada ekuiti dan aliran tunai Bank bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut.

### Kami telah mengaudit

Penyata kewangan Bank yang terdiri daripada:

- penyata pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan yang telah berakhir;
- kunci kira-kira pada 31 Disember 2023;
- penyata perubahan pada ekuiti bagi tahun kewangan yang telah berakhir;
- penyata aliran tunai bagi tahun kewangan yang telah berakhir; dan
- nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk maklumat dasar perakaunan penting.

### Asas bagi Pendapat

Kami telah melakukan audit kami menurut Piawaian Pengauditan Singapura ('SSAs'). Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut diterangkan lebih lanjut dalam bahagian 'Tanggungjawab Juruaudit bagi Pengauditan Penyata Kewangan' laporan kami.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh adalah mencukupi dan sesuai untuk memberikan asas bagi pendapat kami.

### Kebebasan

Kami bebas daripada Bank menurut Kod Tingkah Laku dan Etika Profesional bagi Akauntan Awam dan Entiti Perakaunan Pengguna Kawal Selia Perakaunan dan Korporat ('Kod ACRA') bersama dengan keperluan etika yang relevan kepada audit kami ke atas penyata kewangan di Singapura, dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain menurut keperluan ini dan Kod ACRA.

### Maklumat lain

Pihak Pengurusan bertanggungjawab ke atas maklumat lain. Maklumat lain terdiri daripada Penyata Pengarah dan Maklumat Tambahan MAS Notice 608 yang disertakan di halaman 97 tetapi tidak termasuk penyata kewangan dan laporan juruaudit kami ke atasnya.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan tidak meliputi maklumat lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan kesimpulan ke atasnya.

Berhubung dengan audit kami ke atas penyata kewangan, tanggungjawab kami ialah untuk membaca maklumat lain dan, dengan melakukan sedemikian, kami mempertimbangkan sama ada maklumat lain tidak konsisten secara material dengan penyata kewangan atau ilmu pengetahuan kami yang diperoleh dalam audit, atau sebaliknya kelihatan seperti telah disalah nyatakan dari segi material. Jika, berdasarkan pada tugas yang telah kami lakukan, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata material bagi maklumat lain ini, kami perlu melaporkan fakta tersebut. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan dalam hal ini.

### Tanggungjawab Pihak Pengurusan dan Pengarah bagi Penyata Kewangan

Pihak Pengurusan bertanggungjawab untuk menyediakan penyata kewangan yang memberikan gambaran yang benar dan saksama menurut peruntukan Akta tersebut dan FRSs, dan bagi merancang dan mengekalkan sistem kawalan perakaunan dalaman yang mencukupi untuk memberikan jaminan yang munasabah bahawa aset dilindungi daripada kerugian hasil daripada penggunaan atau pelupusan tanpa kebenaran; dan transaksi mendapat kebenaran dengan betul dan direkodkan sebagai keperluan untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan yang benar dan saksama dan untuk mengekalkan akauntabiliti aset.

Semasa menyediakan penyata kewangan, pihak pengurusan bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Bank bagi meneruskan sebagai usaha berterusan, mendedahkan, jika berkenaan, perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan pihak pengurusan sama ada bercadang untuk membubarkan Bank atau menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif realistik selain daripada melakukan sedemikian.

Tanggungjawab pengarah termasuk mengawasi proses pelaporan kewangan Bank.

### **Tanggungjawab Juruaudit bagi Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang munasabah tentang sama ada penyata kewangan secara keseluruhan bebas daripada salah nyata material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan untuk mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah ialah jaminan beraras tinggi, tetapi bukan merupakan jaminan bahawa pengauditan yang dilakukan menurut SSAs akan sentiasa dapat mengesan salah nyata material jika ia wujud. Salah nyata boleh terbit daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap sebagai material jika, secara individu atau secara agregat, boleh dijangka dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang diambil berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan menurut SSAs, kami membuat keputusan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata material bagi penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, mereka bentuk dan melakukan prosedur audit yang bertindak balas terhadap risiko tersebut, dan memperoleh bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk memberikan asas bagi pendapat kami. Risiko tidak dapat mengesan salah nyata material akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada kesilapan, oleh sebab penipuan mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, peninggalan yang disengajakan, gambaran yang salah, atau pelangkauan kawalan dalaman.
- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang relevan dengan audit supaya dapat mereka bentuk prosedur audit yang sesuai dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk meluahkan pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman Bank.
- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang telah digunakan dan kewajaran anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh pihak pengurusan.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian pihak pengurusan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan dan, berdasarkan pada bukti audit yang diperoleh, sama ada wujud ketidakpastian material berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin akan mendatangkan keraguan yang ketara terhadap keupayaan Bank untuk meneruskan sebagai usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian material wujud, kami perlu membentangkan dalam laporan juruaudit kami mengenai pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, kami harus mengubahsuai pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan pada bukti audit yang diperoleh setakat tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan mungkin akan menyebabkan Bank berhenti daripada terus menjadi usaha berterusan.
- Menilai persembahan, struktur dan kandungan penyata kewangan secara keseluruhan, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan mewakili transaksi dan peristiwa asas dengan cara yang mencapai persembahan yang saksama.

Kami berhubungan dengan para pengarah mengenai, antara perkara lain, skop dan masa audit yang telah dirancang dan hasil dapatan audit yang ketara, termasuk sebarang kekurangan ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa audit kami.

### **Laporan ke atas Keperluan Undang-Undang dan Kawal Selia Yang Lain**

Pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki oleh Akta untuk disimpan oleh Bank telah disimpan dengan rapi menurut peruntukan Akta.



**PricewaterhouseCoopers LLP**

Akauntan Awam dan Akauntan Bertauliah  
Singapura, 1 Februari 2024

# Penyata Pendapatan

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023

|  | Nota | 2023<br>US\$'000 | 2022<br>US\$'000 |
|--|------|------------------|------------------|
| Pendapatan faedah                                      |      | <b>1,762,833</b> | 735,500          |
| Perbelanjaan faedah                                    |      | (1,186,637)      | (328,920)        |
| <b>Pendapatan faedah bersih</b>                        | 4    | <b>576,196</b>   | 406,580          |
| Pendapatan fi dan komisen bersih                       | 5    | <b>282,894</b>   | 325,127          |
| Pendapatan perniagaan bersih                           | 6    | <b>201,144</b>   | 205,480          |
| Lain-lain pendapatan                                   |      | <b>4,351</b>     | 2,339            |
| <b>Pendapatan bukan faedah</b>                         |      | <b>488,389</b>   | 532,946          |
| <b>Jumlah pendapatan sebelum perbelanjaan operasi</b>  |      | <b>1,064,585</b> | 939,526          |
| Kos staf   | 7    | (441,933)        | (403,129)        |
| Susut nilai harta tanah, loji dan peralatan            | 10   | (30,223)         | (37,241)         |
| Lain-lain perbelanjaan operasi                         | 8    | (175,388)        | (166,448)        |
| <b>Jumlah perbelanjaan operasi</b>                     |      | <b>(647,544)</b> | (606,818)        |
| <b>Keuntungan operasi sebelum elauan dan pelunasan</b> |      | <b>417,041</b>   | 332,708          |
| Pelunasan aset tidak ketara                            | 12   | (5,898)          | (5,898)          |
| Peruntukan masuk kira semula/(kerugian)                | 18   | <b>3,481</b>     | (49,556)         |
| <b>Keuntungan sebelum cukai pendapatan</b>             |      | <b>414,624</b>   | 277,254          |
| Perbelanjaan cukai pendapatan                          | 9    | (57,249)         | (40,272)         |
| <b>Keuntungan bagi tahun</b>                           |      | <b>357,375</b>   | 236,982          |

Nota yang disertakan membentuk sebahagian penting penyata kewangan ini.

# Penyata Pendapatan Komprehensif

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023

|   | 2023<br>US\$'000 | 2022<br>US\$'000 |
|---|------------------|------------------|
| Keuntungan bagi tahun   | <b>357,375</b>   | 236,982          |
| <b>Lain-lain pendapatan komprehensif:</b>   |                  |                  |
| <b>Item-item yang mungkin diklasifikasikan semula kepada untung atau rugi:</b>          |                  |                  |
| Keuntungan/(kerugian) bersih ke atas pelaburan hutang pada FVOCI, bersih daripada cukai | <b>4,087</b>     | (2,787)          |
| <b>Item-item yang tidak akan diklasifikasikan semula kepada untung atau rugi:</b>       |                  |                  |
| Pengukuran semula atas pelan faedah yang ditetapkan                                     | (499)            | 263              |
| Keuntungan bersih ke atas pelaburan ekuiti pada FVOCI, bersih daripada cukai            | –                | 5,000            |
|   | <b>3,588</b>     | 2,476            |
| <b>Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun</b>  | <b>360,963</b>   | 239,458          |

# Kunci Kira-Kira

Sehingga 31 Disember 2023

|  | Nota | 2023<br>US\$'000  | 2022<br>US\$'000 |
|--|------|-------------------|------------------|
| <b>Aset</b>  |      |                   |                  |
| Tunai dan baki dengan bank pusat                     | 15   | <b>137,921</b>    | 155,965          |
| Baki dan penempatan dengan dan pinjaman dengan bank  | 16   | <b>203,221</b>    | 301,597          |
| Pinjaman dan pendahuluan kepada pelanggan bukan bank | 17   | <b>14,589,767</b> | 18,209,253       |
| Jumlah hutang daripada syarikat induk                |      | <b>20,288,946</b> | 17,147,069       |
| Jumlah hutang daripada syarikat berkaitan            |      | <b>5,121</b>      | 7,297            |
| Derivatif instrumen kewangan                         | 29   | <b>568,277</b>    | 698,881          |
| Lain-lain pelaburan                                  | 20   | <b>656,086</b>    | 770,795          |
| Lain-lain aset                                       | 21   | <b>1,149,370</b>  | 1,381,529        |
| Anak-anak syarikat                                   | 13   | <b>27,387</b>     | 27,614           |
| Hartanah, loji dan peralatan                         | 10   | <b>152,563</b>    | 116,629          |
| Aset tidak ketara                                    | 12   | <b>17,202</b>     | 23,100           |
| Muhibah  | 11   | <b>167,764</b>    | 167,764          |
| <b>Jumlah aset</b>                                   |      | <b>37,963,625</b> | 39,007,493       |
| <b>Liabiliti</b>                                     |      |                   |                  |
| Deposit pelanggan bukan bank                         |      | <b>32,649,616</b> | 32,925,483       |
| Deposit dan baki di bank                             |      | <b>28,211</b>     | 29,247           |
| Jumlah terhutang kepada syarikat induk               |      | <b>871,241</b>    | 1,816,736        |
| Jumlah terhutang kepada syarikat berkaitan           |      | <b>28,825</b>     | 26,205           |
| Derivatif instrumen kewangan                         | 29   | <b>689,894</b>    | 680,490          |
| Lain-lain liabiliti                                  | 24   | <b>1,432,706</b>  | 1,507,071        |
| Cukai semasa belum bayar                             |      | <b>54,600</b>     | 44,972           |
| Liabiliti cukai tertunda, bersih                     | 23   | <b>6,091</b>      | 6,205            |
| <b>Jumlah liabiliti</b>                              |      | <b>35,761,184</b> | 37,036,409       |
| <b>Ekuiti diagih kepada pemegang ekuiti Bank</b>     |      |                   |                  |
| Modal saham  | 22   | <b>996,377</b>    | 996,377          |
| Lain-lain instrumen ekuiti                           | 22   | <b>200,000</b>    | 200,000          |
| Lain-lain rizab                                      | 22   | <b>8,422</b>      | 4,834            |
| Keuntungan terkumpul                                 |      | <b>997,642</b>    | 769,873          |
| <b>Jumlah ekuiti</b>                                 |      | <b>2,202,441</b>  | 1,971,084        |
| <b>Jumlah ekuiti dan liabiliti</b>                   |      | <b>37,963,625</b> | 39,007,493       |

Nota yang disertakan membentuk sebahagian penting penyata kewangan ini.

# Maklumat Tambahan MAS Notice 608

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023

## Modal

Matlamat utama pengurusan modal Bank adalah untuk memastikan Bank mematuhi keperluan modal yang dikenakan secara luaran dan untuk Bank mengekalkan nisbah modal sihat agar dapat menyokong perniagaannya dan memaksimumkan nilai bagi pemegang saham. Aktiviti-aktiviti dilaksanakan berdasarkan pelbagai dasar, garis panduan dan prosedur yang ditetapkan.

Kecukupan modal Bank diawasi dengan menggunakan peraturan dan nisbah yang ditetapkan oleh Pengguna Kewangan Singapura ("MAS") dalam mengawal selia Bank.

Bank telah mematuhi minimum 8% dan 10% masing-masing bagi Nisbah Kecukupan Modal ("CAR") Tingkat 1 dan Jumlah CAR yang diperlukan oleh MAS Notice 637 pada 2023 dan 2022.

|                                 | 2023<br>US\$ juta | 2022<br>US\$ juta |
|---------------------------------|-------------------|-------------------|
| Modal Tingkat 1                 |                   |                   |
| Saham biasa                     | 996               | 996               |
| Sekuriti berterusan dikeluarkan | 200               | 200               |
| Rizab terbuka                   | 1,006             | 775               |
|                                 | <b>2,202</b>      | 1,971             |
| Modal layak Tingkat 1           | <b>1,949</b>      | 1,687             |
| Modal Tingkat 2                 | 1                 | 1                 |
| Jumlah modal layak              | <b>1,950</b>      | 1,688             |
| Aset berwajaran risiko          | <b>9,867</b>      | 11,358            |
| CAR Tingkat 1                   | <b>19.8%</b>      | 14.9%             |
| Jumlah CAR                      | <b>19.8%</b>      | 14.9%             |

Maklumat tambahan di atas tidak membentuk sebahagian daripada penyata-kewangan.